**AKHBAR** : BERITA HARIAN
**MUKA SURAT** : 4
**RUANGAN** : NASIONAL

*Penularan COVID-19*

# Jumlah kes positif catat angka paling rendah

## Trend penularan COVID-19 kalangan masyarakat setempat makin berkurangan sejak PKPB dikuat kuasa

Oleh Zanariah Abd Mutalib, Luqman Arif Abdul Karim dan Faris Fuad
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Jumlah kes positif baharu COVID-19 semalam mencatat angka paling rendah dengan 10 kes, sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan mulai 18 Mac lalu.

Kes baharu itu menjadikan jumlah kumulatif terkini 7,629 kes dan jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah 1,345 kes.

Di samping itu, tiada kes kematian dicatatkan sejak seminggu lalu menjadikan jumlah kumulatif maut kekal pada 115 kes atau 1.51 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata terdapat 86 kes pulih dan dibenarkan discaj semalam.

Beliau berkata, dengan pertambahan kes pulih itu, ia menjadikan jumlah sebanyak 6,169 kes atau 80.9 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

"Setakat dilaporkan hari ini (semalam), hanya lapan kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan empat daripadanya memerlukan bantuan pernafasan," katanya pada sidang media harian perkembangan COVID-19, di sini semalam.

BHTV

Dr Noor Hisham berkata, 1,189 kes positif COVID-19 direkodkan sepanjang tempoh penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), sejak 4 Mei hingga kelmarin. Daripada jumlah itu, 270 kes atau 22.7 peratus membabitkan warga tempatan.

Selain itu, beliau berkata, 919 kes atau 77.3 peratus membabitkan warga asing, termasuk 383 di tiga Depoh Tahanan Imigresen (DTI).



*Dr Noor Hisham Abdullah*

"Sejak PKPB bermula, trend penularan COVID-19 dalam kalangan masyarakat setempat didapati semakin berkurangan daripada minggu sebelumnya.

"Ini tidak mungkin dicapai tanpa kerjasama dan pematuhan orang ramai kepada nasihat, SOP (prosedur operasi standard) kerajaan serta aktiviti penguatkuasaan pelbagai agensi.

"Justeru, kita ingin mengucapkan syabas dan terima kasih kepada pihak industri serta orang ramai kerana sudi memikul beban bersama kerajaan demi kepentingan komuniti dan negara," katanya.




# 9 Jun jadi penentu gubal mekanisme perintah kawalan baharu

**Kuala Lumpur:** Kadar kes baharu jangkitan COVID-19 pada 9 Jun ini bakal menjadi penentu bagi kerajaan menggubal sebarang mekanisme perintah kawalan baharu dan memberikan kelonggaran kepada sektor lain beroperasi.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata kadar kes semasa wabak itu ketika ini menepati unjuran dan model dirangka Kementerian Kesihatan, khususnya dalam mencatatkan penurunan kes kepada dua serta satu angka.

Katanya, keberkesanan kawalan penularan jangkitan menerusi pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) itu tidak mungkin dicapai tanpa kerjasama semua pihak, termasuk masyarakat yang sentiasa patuh kepada prosedur operasi standard (SOP).

"Kita sudah lakukan yang terbaik, malah unjuran kita sebelum ini menyatakan Malaysia akan capai satu angka.

"Hari ini (semalam), apa yang lebih penting, kita berjaya tukar strategi daripada PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) ke PKPB dan selepas 25 hari, iaitu sejak 4 Mei, kejayaan PKPB mula menampakkan kesan meskipun pelbagai kelonggaran diberikan.

"Perkara ini bukan saja bergantung kepada Kementerian Kesihatan (KKM) dan kerajaan, tetapi kerjasama awam kerana tanpanya pengurangan kes baharu tidak mungkin dapat dilakukan.

"Persoalannya sekarang ialah bila kita nak tingkatkan kaedah kawalan atau tukar strategi, namun penekanan kini terarah kepada kes daripada musim perayaan yang bakal menyaksikan sama ada kadar kes baharu seperti ini dapat dikekalkan pada satu atau dua angka menjelang 9 Jun," katanya pada sidang media harian COVID-19, di Putrajaya, semalam.

Berdasarkan perangkaan semasa, Dr Noor Hisham berkata, penularan jangkitan dalam kalangan rakyat tempatan semakin menyusut, sekali gus memberikan petanda baik dan kadar pematuhan SOP oleh masyarakat.

Bagaimanapun, katanya, peningkatan penularan jangkitan dalam kalangan bukan warganegara sehingga kadar kes baharu kembali menjangkau tiga angka sebelum ini perlu diatasi sebaik mungkin.

"Jadi keputusan selanjutnya akan kita buat pada minggu pertama Jun, dengan mengambil kira sama ada musim perayaan ini memberikan kesan kepada kadar kes baharu," katanya.

Sementara itu, PKPB yang dikuat kuasa bermula 4 Mei lalu bertujuan membuka semula sektor ekonomi negara secara berhati-hati dan terkawal, bagi mengawal penularan COVID-19.

Beliau berkata, PKPB dilaksana selepas mengambil kira pandangan dan pertimbangan terhadap aspek kesihatan, keselamatan serta kualiti hidup orang awam.

"Susulan itu, Kementerian Kesihatan bersama Majlis Keselamatan Negara (MKN) membangunkan pelbagai SOP bagi melaksanakan kaedah menyokong normal dan kelaziman baharu.

"Kerajaan berusaha keras bagi memastikan pematuhan orang ramai terhadap SOP ini, supaya jumlah kes COVID-19 terkawal dan pada masa sama industri serta aktiviti dibenarkan dapat dijalankan dengan terkawal," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NASIONAL

*Penularan COVID-19*

# Rangka protokol kawal virus di 18 depoh tahanan

## KKM masih guna pendekatan PKPD elak wabak merebak

Oleh Zanariah Abd Mutalib, Luqman Arif Abdul Karim dan Faris Fuad
bhnews@bh.com.my




***Depoh*** *tahanan Imigresen di KLIA, Sepang.*

**Putrajaya:** Prosedur penempatan dan protokol kesihatan sedang dirangka bagi mengekang potensi penularan jangkitan COVID-19 di 18 depoh tahanan lain di seluruh negara.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata 14 daripada keseluruhan depoh tahanan itu diselia Jabatan Imigresen, manakala baki empat lokasi lagi di Sabah kendalian Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Setakat ini, katanya, kementerian masih menggunakan pendekatan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) terhadap tiga depoh tahanan Imigresen (DTI) di Bukit Jalil, Sepang dan Semenyih bagi memastikan jangkitan COVID-19 tidak terus merebak.

"Ia sama seperti PKPD yang mana kita akan buat saringan terhadap semua, iaitu sama ada kakitangan di DTI atau orang kena tahan (OKT).

"Hari ini (semalam) tiada laporan kes baharu lain membabitkan DTI, namun kita sudah tegaskan sebelum ini siapa yang bakal ditahan dan ditempatkan di DTI perlu disaring.

"Protokol kemasukan OKT di DTI kini sedang dirangka, tetapi buat masa ini kita wajibkan saringan terhadap semua sebelum mereka ditempatkan di pusat tahanan.

"Pendekatan ini bukan saja membabitkan DTI, tetapi akan diperluaskan kepada penempatan tahanan lain seperti penjara," katanya pada sidang media harian COVID-19, di sini, semalam.

Mengulas kaedah menangani penyakit HIV untuk mengawal penularan kes dan risiko jangkitan dalam kalangan pendatang asing tanpa izin (PATI), Dr Noor Hisham berkata, ia cadangan yang baik.

Beliau berkata, cadangan itu akan dibincangkan secara menyeluruh dengan pihak berkaitan, termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO) supaya semua aspek penting diambil kira.

Kelmarin, Dekan Fakulti Perubatan, Universiti Malaya, Prof Datuk Dr Adeeba Kamarulzaman, berkata kes dan risiko jangkitan COVID-19 membabitkan PATI boleh dikawal menggunakan model seperti menangani penyakit HIV untuk penagih dadah di negara ini.

Sementara itu, rakyat boleh mengesan kes positif COVID-19 yang dilaporkan dalam lingkungan satu kilometer dari kawasan tertentu menggunakan 'Hotspot Tracker' menerusi aplikasi MySejahtera.

Dr Noor Hisham berkata, ia bagi membantu orang awam menjalankan aktiviti harian dan merancang perjalanan harian secara lebih berhati-hati selepas mengenal pasti kawasan berisiko.

Dr Noor Hisham juga berkata, tiada kakitangan Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Padang Besar positif COVID-19, selepas enam pelajar warga Thailand yang melalui pintu sempadan negara itu dijangkiti virus berkenaan.

Katanya, semua 34 petugas terbabit diarahkan menjalani kuarantin selama 14 hari, selain ICQS itu ditutup mulai kelmarin.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 4A
RUANGAN : LOKAL




ANGGOTA polis dan tentera membuat sekatan jalan raya di susur masuk Bukit Mahkota berhampiran Hentian Rehat dan Rawat Nilai bagi memeriksa orang ramai yang pulang ke Kuala Lumpur pada Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

PANDEMIK COVID-19

# Hanya 10 kes

## *Jumlah kumulatif keseluruhan 7,629 kes*

Oleh Shamran Sarahan dan Amir Abd Hamid
am@hmetro.com.my

**Putrajaya**

Jangkitan baharu Covid-19 dalam negara hanya merekodkan 10 kes semalam menjadikan jumlah kumulatif kes keseluruhan penularan wabak itu sebanyak 7,629 kes setakat ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, semua 10 kes baharu yang dilaporkan berkaitan penularan tempatan.

> *Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang pulih sepenuhnya dari Covid-19 dan discaj daripada wad sebanyak 6,169 kes, 80.9 peratus daripada jumlah keseluruhan kes"*
>
> **Dr Noor Hisham Abdullah**

Beliau berkata, lima daripada keseluruhan kes itu bukan warga Malaysia dan tiada kes import yang mendapat jangkitan di luar negara.

"Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan terdapat 86 kes yang pulih dan dibenarkan discaj hari ini.

"Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang pulih sepenuhnya daripada Covid-19 dan discaj dari wad sebanyak 6,169 kes, 80.9 peratus daripada jumlah keseluruhan kes," katanya ketika sidang media harian Covid-19 di sini, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, setakat ini jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan Covid-19 adalah 1,345 kes dan mereka sudah diasingkan serta diberi rawatan.

"Setakat dilaporkan hari ini, lapan kes positif Covid-19 dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU). Daripada jumlah itu, empat kes memerlukan bantuan pernafasan," katanya.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham berkata, tiada kematian berkaitan jangkitan Covid-19 dilaporkan kepada Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC) setakat jam 12 tengah hari semalam.

Katanya, ia menjadikan jumlah kumulatif kes kematian akibat jangkitan wabak berkenaan dalam negara ketika ini kekal 115 kes, 1.51 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

# Melaka benar solat Jumaat

**Melaka:** Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka membenarkan penduduk negeri berkenaan menunaikan solat Jumaat buat pertama kalinya, hari ini selepas dihalang berbuat demikian hampir tiga bulan disebabkan pandemik Covid-19.

Setiausaha Masjid As-Salihin Kampung Paya Rumput, Roslan Yahya berkata, persiapan rapi dilakukan pihaknya untuk memastikan standard prosedur operasi (SOP) ditetapkan dipatuhi termasuk aspek kebersihan, keselamatan dan penjarakan sosial.

Katanya, surat jemputan kepada 40 jemaah juga dikeluarkan, malah semua jemputan sudah mengisi borang saringan kesihatan secara online bagi memastikan mereka mematuhi Standard Prosedur Operasi (SOP) ditetapkan.

"Apa yang pasti penduduk teruja selepas sekian lama tidak dapat menunaikan solat Jumaat. Namun, beberapa penduduk yang sering ke masjid tidak dipelawa kerana berusia lebih 70 tahun dan ada yang uzur," katanya.

# Kepatuhan meningkat

**Putrajaya:** Hampir sebulan kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) sejak 4 Mei lalu, hanya 22.7 peratus iaitu 270 kes jangkitan Covid-19 membabitkan rakyat tempatan.

Sebanyak 77.3 peratus pula membabitkan kes bukan warganegara iaitu 919 kes termasuk 383 kes warga asing di tiga Depoh Tahanan Imigresen (DTI).

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, sejak bermulanya PKPB didapati trend penularan Covid-19 dalam kalangan masyarakat setempat semakin berkurangan.

"Ini tidak mungkin dicapai tanpa kerjasama, kepatuhan orang ramai terhadap nasihat, saranan dan prosedur operasi standard (SOP) kerajaan serta aktiviti penguatkuasaan pelbagai agensi kerajaan.

"Justeru, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengucapkan syabas dan terima kasih kepada pelbagai industri dan orang ramai kerana sudi memikul beban bersama kerajaan demi kepentingan komuniti dan negara," katanya.

# Hotspot Tracker berkesan

**Putrajaya:** Kenal pasti kawasan risiko kes Covid-19 dalam lingkungan satu kilometer untuk tempoh 28 hari.

Itu kelebihan fungsi *Hotspot Tracker* melalui aplikasi MySejahtera yang mudah dijadikan panduan orang ramai merancang perjalanan, sekali gus mengenal pasti kawasan berisiko kes Covid-19 dilaporkan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, aplikasi itu selaras usaha kerajaan membantu rakyat Malaysia menyesuaikan diri dengan aktiviti seharian termasuk merancang perjalanan harian.

"Fungsi ini dapat membantu rakyat mengenal pasti sekiranya ada kes dilaporkan dalam lingkungan satu kilometer dari kawasan yang dicari dalam tempoh 28 hari.

"Rakyat disarankan mengelakkan perjalanan tidak perlu ke kawasan yang mempunyai risiko jangkitan Covid-19.

"Oleh itu, fungsi ini boleh dijadikan panduan kepada setiap pengguna dalam membuat keputusan untuk bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : MEMERANGAI WABAK COVID-19

# Penentu buka sekolah

Tarikh pembukaan sekolah berdasarkan kes Covid-19 minggu pertama Jun

PUTRAJAYA

Tarikh pembukaan persekolahan akan diputuskan berdasarkan jumlah kes positif koronavirus (Covid-19) yang direkodkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sepanjang minggu pertama Jun ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, dalam tempoh seminggu itu, akan dapat dilihat sama ada musim perayaan memberi impak terhadap peningkatan kes positif wabak itu atau sebaliknya.

"Kalau kita mampu kekalkan jumlah kes positif harian pada angka dua digit terendah atau satu digit hingga 9 Jun depan dengan ambil kira musim perayaan, lebih banyak sektor sosial termasuk sektor pendidikan dapat dibuka semula.

"Jadi keputusan akan ditentukan pada minggu pertama Jun nanti," katanya pada sidang akhbar perkembangan terkini Covid-19 di sini semalam.

Foto : BERNAMA



Dr Noor Hisham pada sidang media harian berkaitan jangkitan Covid-19 semalam.

Beliau berkata, tempoh itu sangat penting untuk menjadi penentu kepada kerajaan untuk mengubah polisi Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang dikuatkuasakan.

Menurutnya, pihaknya percaya kes jangkitan Covid-19 dapat dikekalkan pada angka kes dua digit terendah atau satu digit sekiranya orang ramai mematuhi PKPB.

"Jadi kita harap orang ramai dapat beri kerjasama kepada KKM untuk patuhi SOP yang ditetapkan.

"Ini penting untuk kita putuskan rantaian penularan Covid-19 di negara ini. Sekarang kes positif libatkan rakyat tempatan semakin berkurangan tapi yang jadi isu kebelakangan ini adalah warga asing," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, kepatuhan orang ramai dan pihak industri terhadap prosedur operasi standard (SOP) dalam tempoh PKPB menyaksikan tren penularan wabak Covid-19 dalam kalangan masyarakat setempat semakin berkurangan.

"Sejak hampir sebulan penguatkuasaan PKPB di negara kita didapati jumlah kes positif Covid-19 dari 4 Mei 2020 sehingga 27 Mei 2020 adalah 1,189 kes.

"Berdasarkan jumlah ini, kes dalam kalangan warganegara Malaysia adalah hanya 22.7 peratus iaitu 270 kes.

"Selain itu, 77.3 peratus pula melibatkan kes bukan warganegara iaitu 919 kes termasuk 383 kes bukan warganegara di dalam tiga buah Depot Tahanan Imigresen," katanya.

## 10 kes baharu, terendah sepanjang PKP

PUTRAJAYA - Malaysia semalam mencatatkan 10 kes baharu wabak koronavirus (Covid-19) sekaligus menjadi angka terendah sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan sejak 18 Mac lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kesemua kes baharu yang direkodkan itu merupakan penularan tempatan.

Menurutnya, penambahan 10 kes baharu itu menjadikan jumlah kumulatif positif Covid-19 di Malaysia meningkat kepada 7,629 kes.

"Dimaklumkan bahawa kesemua 10 kes baharu yang dilaporkan adalah penularan tempatan di mana lima kes adalah bukan warganegara Malaysia.

"Tiada kes import yang mendapat jangkitan di luar negara," katanya.

Mengulas lanjut, Dr Noor Hisham berkata, jumlah kes sembuh meningkat kepada 6,169 kes atau 80.9 peratus daripada jumlah keseluruhan kes selepas 86 kes lagi direkodkan semalam.

"Setakat dilaporkan hari ini (semalam), lapan kes positif Covid-19 sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU). Daripada jumlah tersebut, empat kes memerlukan bantuan pernafasan.

"Tiada kes kematian hari ini (semalam) dan jumlah kumulatif kes kematian Covid-19 di Malaysia kekal 115 kes," katanya.



**AKHBAR : SINAR HARIAN**
**MUKA SURAT : 11**
**RUANGAN : CETUSAN**



Petugas barisan hadapan yang terus gigih dan berdisiplin bagi memastikan pandemik Covid-19 terus terkawal dalam kalangan komuniti.

# Profesionalisme unggul *frontliners* Covid-19

Usaha mengawal pandemik koronavirus (Covid-19) yang sedang melanda dunia tidak akan berhasil tanpa kegigihan, semangat kental dan daya juang pasukan petugas barisan hadapan (*frontliners*).

Barisan itu terdiri dalam kalangan petugas kesihatan dan perubatan, agensi penguatkuasaan dan ketenteraan serta pihak yang terlibat memberikan perkhidmatan asas dan kritikal kepada komuniti. Dalam kalangan tenaga barisan hadapan itu, petugas kesihatan dan perubatan merupakan benteng terakhir (*last defence*) yang perlu memastikan Covid-19 tidak tersebar dan menular kepada kelompok lain.

Selepas mengendalikan kawalan wabak Covid-19 yang sudah masuk bulan yang ketiga, melangkaui bulan Ramadan dan kini sudah memasuki bulan Syawal pula, barisan hadapan kita dibimbangi sudah berada di fasa *burnout*, keletihan dan kurang motivasi.

Bagi petugas perubatan di beberapa hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di seluruh negara, mereka terpaksa berhadapan secara langsung dengan kelompok pesakit positif Covid-19 yang dikenalpasti dan mempunyai gejala serius untuk dirawat saban hari. Sementara petugas di pusat-pusat kesihatan pula bertanggungjawab menyaring ribuan individu yang berisiko mendapat jangkitan.

Sekali pun bimbang dan risau dengan keselamatan serta kesejahteraan diri sendiri termasuk ahli keluarga terdekat, petugas perubatan dan kesihatan terus memberikan khidmat bakti dengan cemerlang. Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan sejak 18 Mac lalu, pasukan petugas kesihatan membuat penegasan bahawa mereka sanggup bertugas seperti biasa (*stay at work*) untuk mengendalikan kes positif Covid-19 ang memerlukan jaga rawatan.

Dalam masa sama, mereka merayu orang awam mengambil serius tanggungjawab mereka untuk berada di dalam rumah masing-masing bagi memutuskan rantaian penularan Covid-19. Sekali pun kini terdapat sedikit kelonggaran mengadakan aktiviti ekonomi sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), bahaya penularan Covid-19 masih belum selesai.

Terbukti, tahap profesionalisme unggul menjadi tunjang kekuatan yang mendorong petugas barisan hadapan terus gigih berdisiplin dalam menjalankan amanah dan tanggungjawab berat berhadapan dengan pandemik itu. Tidak dapat dinafikan, petugas mengutamakan prinsip etika perubatan semasa menjalankan tugas masing-masing.

Dalam etika perubatan, terdapat empat prinsip yang menjadi asas dan landasan amalan yang terpuji. Prinsip-prinsip inilah yang menjadi dorongan dalaman barisan hadapan perubatan dan kesihatan yang meniupkan semangat dan daya juang.

## Prinsip

Prinsip pertama etika perubatan menyentuh perihal tuntutan supaya pengamal perubatan sentiasa memberi manfaat kepada pesakit, keluarga dan masyarakat. Adakalanya dalam kewajipan merawat pesakit, pengamal perubatan terpaksa mengorbankan tenaga, keselesaan dan masa yang banyak, mendahulukan keutamaan pesakit melebihi dirinya sendiri. Dalam menjalankan tugasan mengawal pandemik Covid-19 ini, para petugas kesihatan dan perubatan menzahirkan prinsip pertama etika perubatan ini dengan cemerlang dan jayanya.

Prinsip kedua memberikan penekanan lanjut kepada keperluan pengamal perubatan memastikan setiap keputusan dan intervensi rawatan yang dirancang dan dibuat mestilah tidak mendatangkan kemudaratan kepada pesakit, ahli keluarga dan rakan setugas yang lain. Untuk menjayakan prinsip ini, pengamal perubatan mestilah mampu bersifat empati dan sentiasa berhati-hati untuk tidak menyebabkan kesakitan, kecederaan dan kesulitan yang lebih berat kepda pesakit yang dirawat.

Dalam konteks berhadapan dengan Covid-19, petugas perubatan dan kesihatan berusaha gigih mengawal dan mengurangkan kadar tularan penyakit ini bagi mengurangkan impak yang lebih parah.

> *Tahap profesionalisme unggul menjadi tunjang kekuatan yang mendorong para petugas barisan hadapan terus gigih berdisiplin dalam menjalankan amanah dan tanggungjawab.*

Sementara prinsip ketiga dalam etika perubatan menjurus kepada prinsip autonomi pesakit yang mesti dihormati dan dibela oleh pengamal perubatan. Prinsip ketiga ini meletakkan hak asasi manusia sebagai asas utama yang menjadi sandaran dalam memberikan perkhidmatan perubatan. Terdapat tiga kategori autonomi dalam prinsip etika perubatan. Pertama, pesakit dewasa mempunyai autoriti membuat keputusan dalam aspek pengurusan data dan maklumat berkenaan dirinya.Kerahsiaan terhadap butiran dan maklumat pesakit adalah tonggak utama profesion perubatan.

Kedua, autonomi fizikal yang merangkumi hak pesakit sama ada mahu membenarkan pengamal perubatan menyentuh, memegang dan memeriksa tubuh fizikalnya. Ketiga, autoriti yang berkaitan dengan keputusan yang hendak diambil berkaitan penyakit dan rawatan. Prinsip ini menggariskan perlunya mendapatkan keizinan daripada pesakit sendiri atau ahli keluarga terdekat sebelum sebarang prosedur dan intervensi dijalankan. Semasa usaha kawalan Covid-19, kerahsiaan pesakit yang dijangkiti dan keluarga mereka telah diuruskan dengan sebaiknya.

Prinsip keempat etika perubatan menjurus kepada perlunya wujud keadilan, keseimbangan dan kesaksamaan, kejujuran dan integriti dalam menjalankan amanah yang dipikulkan kepada pengamal perubatan. Keadilan dalam pengamalan perubatan menekankan tiga aspek; Aspek pertama adalah keadilan dalam memberikan rawatan tanpa diskriminasi, memilih warna kulit dan keturunan semasa memberikan khidmat kepada pesakit. Aspek kedua, keadilan dalam pengagihan sumber dan kewangan berkaitan kesihatan kepada masyarakat. Sementara aspek ketiga; menentukan segala yang dipraktikkan tidak melanggar ketetapan undang-undang tempatan.

Dalam usaha menangani pandemik Covid-19 setakat ini, petugas perubatan dan kesihatan perlu mematuhi undang-undang yang ada. Mereka juga mempunyai sepenuh hak yang dijamin oleh undang-undang negara untuk dilindungi dari dijangkiti Covid-19.

Keempat prinsip yang digariskan dalam etika perubatan ini menjadi piawai yang mesti difahami, dihayati dan dipraktikkan oleh semua pengamal perubatan. Bencana Covid-19 menjadi satu cabaran global yang perlu diatasi bersama. Semoga kegigihan petugas perubatan dan kesihatan barisan hadapan menjalankan tugas dengan penuh dedikasi dan profesional membawa kejayaan mengatasi Covid-19.

** Profesor Datuk Dr Harlina Halizah Siraj ialah Pengarah Pusat Citra Universiti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)*

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NEWS/NATION



*Seberang Prai Utara police chief Assistant Commissioner Noorzainy Mohd Noor (left) checking the travel permits of passengers at the Butterworth train station yesterday.* BERNAMA PIX

# 52 travel ban violators nabbed at train stations



*Butterworth police station chief Assistant Superintendent M. Thanabalan showing the travel permit of Haseni Husin from Alor Star.*

**BUTTERWORTH:** Police detained 52 people, including six on Thursday, at train stations here for trying to cross over to Penang island despite a "no interstate travel" order under the Conditional Movement Control Order (CMCO).

The arrests were made from the eve of Hari Raya Aidilfitri until yesterday morning at the Keretapi Tanah Melayu Bhd (KTMB) train stations in town here and in Tasek Gelugor.

Seberang Prai Utara police chief Assistant Commissioner Noorzainy Mohd Noor said police had received information about illegal interstate travel using the train service and moved in to nab the culprits.

"Today (yesterday) itself, we have arrested six people for entering the state without a police permit. Since May 23, we have nabbed 43 people at the KTMB Butterworth station and three at the Tasek Gelugor station.

"Those arrested have given various excuses. Some said they decided to use the train rather than the road to avoid police checks.

"We will continue with this Op Pematuhan at all KTMB stations under our jurisdiction to arrest those unauthorised to cross the state's border," he said during checks at the Butterworth train station here.

CMCO violators were issued with a RM1,000 compound each.

Action was taken against them under the Prevention and Control of Infectious Diseases (Measures within the Infected Local Areas) Regulations 2020.

Checks by the *New Straits Times* at the train stations found policemen waiting at all the train doors. As soon as passengers alighted, they would be asked to produce their travel papers.

Police were also seen checking the train cabins to ensure that no one was hiding inside.

A 58-year-old Syrian man coming from Padang Besar was detained at 10.15am as he failed to produce his approval letter. He told police that he had a doctor's appointment at a clinic here.

For 63-year-old Haseni Husin from Alor Star, Kedah, she obtained her travel permit from the police station in her hometown to come here to meet her only son.

She said she had not seen her son since February.

"Since his father's death recently, I have not had the chance to provide him with the much-needed emotional support," she said while waiting for her son to pick her up.

# 'More sectors can be reopened if cases continue to drop'

**PUTRAJAYA:** Malaysia may open more social and education sectors when the Conditional Movement Control Order (CMCO) ends on June 9, if Covid-19 cases continue to drop.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said the CMCO, implemented from May 4, had been successful in bringing down the daily cases and further improvement could be expected with even lower figures based on the ministry's modelling and prediction.

He said the next two weeks would be crucial and the ministry would keep a close watch on the situation. The CMCO strategy, Dr Noor Hisham said, had been fruitful thanks to the inter-ministerial collaborations and public compliance with standard operating procedures.

"The question now is whether we are going to improve further or change the strategy, as our concern now is on the (current) festive season. For the next two weeks, we will continue to monitor the daily cases.

"If we can sustain our achievement, then on June 9, perhaps we will open more social and education sectors. Timing is important now as we need to be cautious before we make any changes to our policy.

"The decision will be made in the first week of June. We will see whether the festive season had any impact on (Covid-19 cases) in Malaysia," said Dr Noor Hisham during a daily press briefing at the ministry here yesterday.

While cases involving locals had gone down, the country was now facing infection among foreigners.

"If we can handle both (infections in local and foreigners), then we can axe the number of cases. If Malaysians comply with SOPs, rest assured, we can continue to see lower double digits or even single digits."

Dr Noor Hisham said they were looking at the possibility of testing illegal immigrants for Covid-19 prior to admission into Immigration depots, prisons and other detention centres.

He said this followed the screenings that had been conducted on detainees and staff at the Semenyih, Bukit Jalil and Sepang Immigration depots, where actions similar to the Enhanced Movement Control Order (EMCO) were implemented.

"Now we are formalising the protocols, where we will determine if those admitted to detention centres need to be screened or tested first. We certainly do not want any outbreaks there, so we will look into this seriously," said Dr Noor Hisham.

Should any outbreak occur at detention centres, he said, EMCO would be enforced to contain it.

Yesterday saw 10 new Covid-19 cases recorded nationwide, taking the tally of infections to 7,629. There were 1,345 active Covid-19 cases in the country. Eight were still being treated in the Intensive Care Unit, with four on ventilator support.

Dr Noor Hisham said all new cases were local transmissions, of which five were foreigners.

He said 86 patients made a full recovery and were discharged today, bringing the tally of recovered cases to 6,169, or 80.8 per cent of the cumulative cases.

No Covid-19 deaths were reported yesterday, with the number remaining at 115.

He said a total of 1,189 Covid-19 cases were recorded during the implementation of the CMCO since May 4, with only 22.7 per cent or 270 cases involving locals; 77.3 per cent or 919 cases were foreigners in three Immigration depots.



*Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah speaking at the daily press briefing at the Health Ministry in Putrajaya yesterday. With him is his deputy, Datuk Dr Rohaizat Yon.*

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NATION

# Ministry mulls lockdown at detention centres

**PUTRAJAYA:** The Health Ministry is mulling over the need to impose a lockdown at all Immigration detention centres following the discovery of Covid-19 clusters at three depots.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said there were also requests for the ministry to screen detainees before they were admitted into the depots.

"At the moment, we have only identified three Immigration depots – Bukit Jalil, Sepang and Semenyih.

"Our action plan there is just like places under the enhanced movement control order (MCO).

"We go to the centre and screen everyone, whether they are detainees or staff. But now we are discussing other detention centres. We have 14 and four in Sabah are managed by the National Security Council.

"We are formalising the protocol for the admission (of detainees). The request is for us to screen everyone before admitting them.

"We do not have an outbreak in the other centres as of now, so we're looking into whether there is a need to do so.

"But if there is an outbreak, we will just treat it like an enhanced MCO at the centre to contain the infection. Those who are tested positive will be sent to hospital and those who are negative will be quarantined," said Dr Noor Hisham at the ministry's daily Covid-19 press conference here.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NATION

## Covid-19: Current situation globally

*(As of 7pm May 28, 2020)*

| Malaysia | New cases | Total cases | Total deaths | Total recovered |
|---|---|---|---|---|
| | 10 | 7,629 | 115 | 6,169 |

| Asean+ | China | Singapore | Indonesia | Japan | Philippines | S. Korea | Thailand | Vietnam | Myanmar | Brunei | Cambodia | Laos |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Confirmed cases | 82,995 | 33,249 | 24,538 | 16,651 | 15,588 | 11,344 | 3,065 | 327 | 206 | 141 | 124 | 19 |
| Deaths | 4,634 | 23 | 1,496 | 858 | 921 | 269 | 57 | 0 | 6 | 2 | 0 | 0 |
| Recovered | 78,288 | 17,276 | 6,240 | 13,973 | 3,598 | 10,340 | 2,945 | 278 | 126 | 138 | 122 | 16 |

| Global Top 10 | US | Brazil | Russia | Spain | UK | Italy | France | Germany | Turkey | India |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Confirmed cases | 1,745,911 | 414,661 | 379,051 | 283,849 | 267,240 | 231,139 | 182,913 | 181,895 | 159,797 | 158,959 |
| Deaths | 102,114 | 25,697 | 4,142 | 27,118 | 37,460 | 33,072 | 28,596 | 8,533 | 4,431 | 4,540 |
| Recovered | 490,151 | 166,647 | 150,993 | 196,958 | N/A | 147,101 | 66,584 | 163,200 | 122,793 | 67,903 |

# Schools can open if numbers are low

## Ministry to decide on opening social and education sectors by early June

By JOSEPH KAOS Jr
and ASHLEY TANG
newsdesk@thestar.com.my

**PUTRAJAYA:** More sectors including schools can be reopened if Malaysia continues to see low Covid-19 figures in the first week of June, said Datuk Dr Noor Hisham Abdullah.

The Health director-general said while the country had shown its owest daily figure in over two nths with only 10 cases yester- the ministry was worried about st-festive season impact.

success of the conditional t control order (MCO) st 24 days can be seen in f cases.

inistry is still con- e impact of the fes- nich we will see in the first week of June.

"By June 9, we should be able to make a decision. If the low number of cases can still be sustained by then, taking into account the festive season, we can open more of the social and education sectors.

"We are very cautious before we make changes to our policies," he said at the ministry's daily Covid-19 press conference.

The conditional MCO is scheduled to end on June 9 barring any further extension by the government.

Hari Raya was celebrated on May 24 and 25.

The Pesta Kaamatan festival will be held on May 30 and 31, while Hari Gawai Dayak falls on June 1 and 2.

Earlier, Dr Noor Hisham announced 10 new cases in the country, the lowest daily figure since the MCO was enforced on March 18. This followed Wednesday's figure of 15 cases.

There were also no Covid-19 deaths for six days in a row.

Dr Noor Hisham stressed on the importance of Malaysians continuing to comply with the Covid-19 standard operating procedure (SOP).

"We hope the public can work hand in hand with the ministry to comply with the SOP. Social discipline and compliance from all is very important to break the chain of the Covid-19 transmission.

"If Malaysians comply with our SOP, rest assured we can see single digits in our daily case figures," he said.

Dr Noor Hisham said Malaysia's testing capacity for Covid-19 by using the reverse transcription polymerase chain reaction (RT-PCR) method is now close to 30,000 a day.

He said the country on May 27 had a maximum testing capacity of 29,789 tests for RT-PCR with 26,005 tests being done on that day.

"RT-PCR testing at the very beginning was only 7,000 to 8,000 a day but now it is almost 30,000," he said.

The country's testing capacity is further boosted by the antigen rapid test kits (RTK) which were procured from South Korea.

"We have a choice now. We can use RT-PCR or the antigen RTK.

"The antigen RTK is used when we need to have a fast turnaround time of just 45 minutes to an hour where we would be able to obtain the results.

"If there is no need for a fast turnaround time, then we can use the RT-PCR," he said.

For the antigen RTK method, 3,708 tests were done as of May 27, with 50 samples having tested positive for the virus.

The RTK is currently being deployed at KLIA, KLIA2 as well as clinics in the interiors of Sabah and Sarawak.



AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

# 10 new Covid-19 cases reported

**PETALING JAYA:** The number of new Covid-19 cases dropped further yesterday to 10. There were 15 new cases on Wednesday.

Health Director-General Datuk Seri Dr Noor Hisham Abdullah said all the new cases were contracted through local transmissions. Five of them are non-citizens.

There were no new casualties.

Noor Hisham said that of the eight cases being treated at intensive care units now, four are in need of ventilators. The total number of cases and deaths stands at 7,629 and 115 respectively.

"Any decision on the next step to be taken with regard to the conditional movement control order will be made after June 9," Noor Hisham told a media briefing yesterday.

"At present, we are reporting a low number of cases. We will make a decision after the festive season," he said.

Noor Hisham said the ministry could consider opening up the education sector and other social sectors if the number of cases continue to remain in the lower double digits or single digits, adding the timing for reopening of schools and the social sector is critical.